

PENDAFTARAN

Peserta hendaklah mendaftar secara atas talian di tepad.mardi.gov.my

YURAN*

Peserta biasa : RM850
Pelajar¹ : RM500

¹ Mohon disertakan bukti sebagai pelajar (kad pelajar atau surat daripada Dekan/Ketua Fakulti)

* Yuran merangkumi material persidangan, jamuan ringan dan makan tengah hari

* Yuran pendaftaran hendaklah dibayar selewat-lewatnya 23 Ogos 2019

* Yuran pendaftaran tidak termasuk caj bank

SIAPA YANG PATUT HADIR?

- ✓ Penggubal dasar
- ✓ Pelajar sarjana
- ✓ Penyelidik
- ✓ Pegawai pengembangan
- ✓ Usahawan
- ✓ Swasta
- ✓ Ahli akademik
- ✓ NGO
- ✓ Petani

PERTANYAAN LANJUT

Berkaitan pendaftaran dan pembayaran yuran:

Mariana Mat Yasin
Pusat Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Usahawan, MARDI
Tel: (603) 8953 6805/6803
Faks: (603) 8953 6789
E-mel: tepad2019@mardi.gov.my




MAKLUMAT UNTUK PEMBAYARAN

Nama Akaun : Dana Persidangan MARDI
No. Akaun : 8002159290
Nama Bank : CIMB Bank

TAJAAN

Individu, syarikat dan organisasi dijemput untuk menyertai pakej tajaan TEPad 2019 untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan yang diberikan kepada para peserta yang terlibat dalam pertanian tepat padi. Maklumat pakej tersebut boleh didapati dengan melayari tepad.mardi.gov.my



Berkaitan teknikal/program:

Dr. Ahmad Safuan Bujang
Pusat Penyelidikan Kejuruteraan, MARDI
Tel: (603) 8953 6603
Faks: (603) 8953 6606
E-mel: teknikal.tepad2019@mardi.gov.my

Berkaitan kertas kerja poster dan oral:

Dr. Teoh Chin Chuang
Pusat Penyelidikan Kejuruteraan, MARDI
Tel: (603) 8953 6602
Faks: (603) 8953 6606
E-mel: penerbitan.tepad2019@mardi.gov.my

Berkaitan penyertaan tajaan:

Nuraini Ahmad Ariff Shah
Pusat Penyelidikan Kejuruteraan, MARDI
Tel: (6019) 5460217
Faks: (603) 8953 6606
E-mel: tajaan.tepad2019@mardi.gov.my



TEPad

SEMINAR KEBANGSAAN TEKNOLOGI PERTANIAN TEPAT PADI

2019

"Tepat dan Pintar, Hasil Lestari"

**27 - 29
OGOS 2019**
**HOTEL IXORA,
PULAU PINANG**

Pengajar:



Pengajar bersama:



Disokong oleh:



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TAN



LATAR BELAKANG

Beras adalah makanan ruji kepada rakyat Malaysia dan lebih separuh daripada penduduk dunia. Purata produktiviti hasil padi pada masa kini adalah sekitar 3.8 t/ha. Nilai ini jauh daripada potensi hasil sebenar iaitu 8 – 10 t/ha. Senario ini menunjukkan produktiviti dan pengeluaran beras perlu ditingkatkan bagi menampung pertambahan populasi penduduk, sebagai jaminan keselamatan makanan dan mencapai tahap sara diri. Kekangan ini adalah satu cabaran besar berikutan saiz sawah semakin mengecil dan bekalan air semakin berkurangan akibat persaingan kepada keperluan air untuk pertanian dan industri serta masalah tenaga buruh yang semakin berkurangan. Perubahan

cuaca global juga secara langsung memberi masalah dan kesan kepada produktiviti tanaman padi. Sehubungan itu, potensi pengeluaran padi negara perlu ditingkatkan melalui pendekatan baru yang melibatkan penggunaan teknologi baru, progresif dan mampan.

Pertanian tepat telah diperkenalkan sejak dua dekad yang lalu sebagai satu amalan yang komprehensif untuk mengatasi kekangan yang berlaku dalam pertanian padi. Komponen-komponen dalam Pertanian Tepat seperti penderiaan jauh dan proksimal, kenderaan udara tanpa pemandu, teknologi kadar boleh ubah, pengurusan data ladang, kecerdasan buatan, sambungan mudah alih tanpa wayar, teknik pengecaman awal penyakit dan perosak,

teknik pemantauan hasil dan *Internet of Things* (IoT) diharap dapat meningkatkan pengeluaran padi.

Sehubungan itu, Seminar Kebangsaan Pertanian Tepat Padi 2019 (TEPad 2019) akan diadakan pada 27 – 29 Ogos 2019 di Hotel Ixora, Seberang Jaya, Pulau Pinang. Seminar ini menyatukan kumpulan penggubal dasar, penyelidik, agensi pengembangan, pengurus ladang, usahawan dan petani untuk membincangkan segala aspek amalan pertanian tepat padi. Pertukaran maklumat antara kumpulan sasar dalam seminar ini diharap dapat menyampaikan penemuan penyelidikan terkini pertanian tepat dan menjana lebih banyak teknologi dalam pertanian tepat ke arah peningkatan pengeluaran padi di Malaysia.

OBJEKTIF

- Menyampaikan maklumat terkini mengenai teknologi pertanian tepat padi.
- Berkongsi dan bertukar pengalaman dalam usaha untuk mengatasi cabaran yang dihadapi dalam teknologi pertanian tepat padi negara.
- Meningkatkan jaringan kerjasama antara kumpulan sasar iaitu penggubal dasar, penyelidik, agensi pengembangan, pengurus ladang dan usahawan.

SESI PEMBENTANGAN

- Perkembangan Semasa dan Potensi Teknologi Pertanian Tepat Padi
- Senario Semasa Pertanian Tepat Padi daripada Perspektif Pemegang Taruh (Stakeholder)
- Amalan dan Aplikasi Teknologi Pertanian Tepat Padi

PEMBENTANG UTAMA

• Dr. Mitsuru Hachiya

National Agriculture and Food Research Organization (NARO), Jepun

Tajuk: Scenario and Experience in Precision Agriculture Technology of Rice in Japan

• Dr. Joko Pitoyo

Indonesia Center For Agricultural Engineering Research and Development (ICAERD), Indonesia

Tajuk: Overview of Precision Agriculture on Rice in the ASEAN region

JEMPUTAN KERTAS KERJA POSTER

Peserta dijemput untuk menyertai pembentangan kertas kerja poster berdasarkan tema dan sesi persidangan. Abstrak (tidak lebih 200 patah perkataan) hendaklah dihantar kepada penerbitan.tepad2019@mardi.gov.my. Abstrak hendaklah mengandungi Tajuk, Nama dan Alamat Penulis dan Pengisian Abstrak.

Abstrak lanjutan akan dibukukan menjadi prosiding seminar. Kertas kerja tersebut yang tidak melebihi lima muka surat hendaklah mengandungi pengenalan, metodologi, hasil dan perbincangan, rumusan dan rujukan. Kertas kerja hendaklah dihantar dalam format Microsoft Word untuk Windows

Abstrak lanjutan hendaklah disediakan mengikut format yang diberikan di portal laman web TEPad 2019. Kertas kerja yang terpilih akan dijemput untuk diterbitkan dalam jurnal tempatan.

POSTER

Saiz poster: Potret 18 inci x 28 inci

BAHASA

Bahasa Melayu

TARIKH PENTING

Tarikh akhir penghantaran abstrak: **31 Mei 2019**

Tarikh akhir serahan abstrak lanjutan: **30 Jun 2019**

LAWATAN TEKNIKAL

Lawatan teknikal berkaitan teknologi pertanian tepat di Pusat Kecemerlangan Padi, MARDI Seberang Perai akan diadakan pada 29 Ogos 2019. Penyertaan adalah terhad dan maklumat lanjut akan dimaklumkan di laman web TEPad 2019.